



**PTS Media Group Sdn. Bhd.** (173482-A)  
[pts.com.my](http://pts.com.my)

No. 12, Jalan DBP,  
Dolomite Business Park, 47  
68100 Batu Caves,  
Selangor, MALAYSIA  
Tel : +603-6188 0316  
Faks : +603-6189 1316

### **KENYATAAN MEDIA BUKU BARU TERBIT**

#### **BUKU PRESIDEN TRUMP PENJAHANAM AMERIKA?**

"You are fired!" adalah ayat yang begitu sinonim dengan Presiden Trump yang pernah popular melalui rancangan realiti televisyen *The Apprentice*. Bukan sahaja ahli perniagaan berjaya, beliau juga menggemparkan dunia dengan kemenangan beliau apabila memenangi pilihan raya Amerika Syarikat 2016. Namun ternyata kemenangan beliau mencetuskan kebimbangan lebih daripada kegembiraan. Pelbagai spekulasi dan isu mula timbul berikutan kesan kemenangan beliau terutamanya terhadap ekonomi dunia.

Dengan ini, PTS Publishing House Sdn. Bhd. menerbitkan sebuah lagi buku berkenaan Trump, iaitu *President Trump Penjahanam Amerika?* Buku ini adalah hasil kajian 3 orang penulis yang membedah pelbagai tanggapan dan juga fakta berkenaan Presiden Amerika yang baru ini.

Terdapat 15 bab menarik dalam buku ini antaranya, *Trump Keturunan Pendatang? Trump dan Illuminati? Presiden Lain Seperti Donald Trump, dan Siapakah Presiden Selepas Donald Trump?* Sepanjang 192 halaman buku ini, pembaca akan melihat sama ada Trump adalah seorang penyelamat ataupun dia akan menjahanamkan Amerika. Dapatkan buku lain berkenaan Trump, iaitu *Berfikir Gaya Trump, Pengaruh Gaya Trump, dan Fail Sulit Presiden Amerika.*

AMIRATUL AWATIF GHAZALI  
Publicist  
H/P: 016-661 1974  
E-mel: [awatif@pts.com.my](mailto:awatif@pts.com.my)